

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah ada perancangan Kerajaan Pusat untuk menghubungkan negara jiran Indonesia di sebelah utara Sarawak dengan pembinaan sebatang jalan dari Lawas ke Long Bawan Indonesia di bawah gabungan negara rantau Asia BIMP-EAGA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama serantau *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan sosioekonomi di wilayah yang kurang membangun serta merapatkan jurang pembangunan dalam kalangan empat negara ASEAN tersebut. Halatuju strategik pembangunan kerjasama serantau ini sepertimana dinyatakan dalam dokumen *BIMP-EAGA Vision 2025* (BEV2025) telah menetapkan sasaran untuk BIMP-EAGA menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan. Pelbagai strategi telah dikenal pasti dengan tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan perikanan yang berdaya tahan, penggunaan teknologi hijau dalam sektor pembuatan dan pembangunan sektor pelancongan yang mampan.

NO. SOALAN : 12

2. Di bawah BEV2025, sebanyak 69 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$22.7 bilion. PIP ini akan meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) dan menjadi pemangkin kepada aktiviti perdagangan serta mobiliti penduduk. PIP ini merangkumi pembinaan jalan raya, landasan kereta api, perbekalan kuasa, penaiktarafan lapangan terbang, pelabuhan, jaringan telekomunikasi serta kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain.

3. Untuk makluman ahli Yang Berhormat pada masa ini masih belum ada perancangan pembinaan jalan daripada Lawas ke Long Bawan. Namun begitu, sekiranya rangkaian jalan ini dilihat berpotensi untuk memberi manfaat kepada rakyat Sarawak, satu kajian yang mendalam akan dilaksanakan dan dibincangkan di bawah platform BIMP-EAGA.

4. Dalam hubungan ini, pembinaan jalan menghubungkan negara Indonesia di sebelah utara Sarawak dengan pembinaan sebatang jalan dari Lawas ke Long Bawan, Indonesia perlu dikaji terlebih dahulu bagi mengambil kira kesan serta impak kepada penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.